

Penolong pegawai MBPJ didakwa rasuah RM377,696

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seorang Penolong Pegawai Seni Bina Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM377,696 untuk penyediaan dan menandatangani borang arahan kerja penyelenggaraan kuarters MBPJ, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh yang bekerja di Jabatan Kejuteraan MBPJ telah menggunakan kedudukannya menerima suapan keseluruhan RM377,696 dengan menyediakan dan menandatangani dua borang arahan kerja bagi dua fasa kerja

kerja penyelenggaraan tahunan untuk kuarters MBPJ.

Tuntutan bayaran itu adalah berjumlah RM397,576 kepada Foller Trading dalam melaksanakan kerja tersebut.

Kesemua suapan diterima tertuduh menerusi syarikat miliknya, Hasraf Design Construction dan adiknya iaitu Zie Maju Construction setelah menolak 5 peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat dengan perbuatan dilakukan MBPJ pada 4 Jun dan 28 Disember 2018.

Sehubungan itu, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau

RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab. Wahad menawarkan jaminan RM80,000 bersama seorang penjamin dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM.

Peguam Ariff Azami Hussein yang mewakili Ahmad Hasrul memohon ikat jamin dikurangkan kepada RM20,000 berikutan tertuduh perlu menanggung tiga orang anaknya termasuk seorang merupakan orang kelainan upaya (OKU) lembam.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM40,000 bersama seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan lain daripada pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 9 Mac depan.



AHMAD HASRUL (tengah) ketika dibawa pegawai SPRM untuk pendakwaan kes rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.